

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[30 markah]


[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang tujuan mengadakan sambutan Hari Guru di peringkat sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

TUJUAN SAMBUTAN HARI GURU

Menghargai jasa guru



Menggalkan budaya penyayang



Mengeratkan hubungan dengan guru

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Anda merupakan salah seorang sukarelawan yang terlibat dalam memberikan bantuan kepada mangsa bencana alam.
Tulis satu laporan tentang kejadian bencana alam tersebut dan bantuan-bantuan yang telah pasukan anda berikan.
- 2 Aktiviti rekreasi seperti aktiviti melancong, berkelah dan bersenam membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat.
Ulas pernyataan tersebut.
- 3 Setiap kaum di Malaysia mengamalkan budaya warisan kaum masing-masing seperti cara berpakaian dan adat perkahwinan.
Jelaskan kepentingan-kepentingan mengekalkan budaya warisan tersebut.
- 4 Banyak usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk memastikan keamanan sejagat dapat direalisasikan.
Huraikan usaha-usaha tersebut.
- 5 Anda telah membaca karya sastera yang mengandungi banyak perkara yang boleh dijadikan pedoman hidup.
Berdasarkan karya tersebut, jelaskan perkara-perkara yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan kita.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Nov./Dis.

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca berkurangnya bekalan air bersih dan cara-cara menyedarkan masyarakat supaya berhemat dalam penggunaan air. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Air merupakan sumber yang penting untuk kelestarian dan kelangsungan kehidupan. Air diperoleh secara semula jadi daripada pelbagai sumber dan sungai merupakan sumber air yang utama di negara ini. Negara kita mempunyai lebih daripada 150 batang sungai yang menjadi sumber air mentah utama. Walau bagaimanapun, Malaysia terdedah kepada risiko kekurangan bekalan air jika sumber air tersebut tidak dijaga dan diurus dengan baik. Oleh itu, (pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air sangat perlu diberikan perhatian bagi menjamin bekalan air yang mencukupi.)

Peningkatan permintaan air oleh pengguna akibat pertambahan bilangan penduduk menyebabkan berlakunya penyusutan bekalan air. Krisis air juga berlaku disebabkan oleh sikap pengguna yang sering menggunakan air secara berlebihan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara purata setiap rakyat Malaysia menggunakan 380 liter air sehari, iaitu melebihi keperluan biasa yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebanyak 50 liter sehari. Keadaan ini berlaku kerana sikap sebahagian rakyat Malaysia yang tidak menghargai air sehingga melakukan pembaziran. Sumber bekalan air negara juga terjejas disebabkan oleh pembangunan yang tidak terancang. Hal ini demikian kerana aktiviti pembalakan dan perancangan bandar tidak diurus dengan baik. Sehubungan dengan itu, (semua pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif untuk menangani isu pembalakan dan pembangunan yang tidak terancang ini.)

Malaysia juga pernah dilanda beberapa episod krisis air kesan daripada perubahan iklim, misalnya fenomena El Nino yang telah menyebabkan berlakunya kemarau panjang. Pada masa itu, (kerajaan terpaksa mencatu bekalan air akibat sumber air yang semakin susut.) Selain itu, pelepasan sisa toksik daripada aktiviti industri ke sungai-sungai telah menyebabkan air tercemar. Hal ini telah *menimbulkan kesulitan* kepada penduduk di negara ini, terutamanya bagi penduduk yang menjadikan sungai sebagai sumber air. Di samping itu, kewujudan tapak pelupusan sampah berhampiran sungai yang menghasilkan air licik telah mencemarkan air sehingga menyebabkan berkurangnya sumber bekalan air bersih. Keadaan yang berlaku ini menunjukkan kualiti air sungai semakin merosot.

Selain faktor-faktor di atas, masalah kecurian air juga menjadi salah satu sebab berlakunya krisis air. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan yang mendesak bagi mewujudkan satu dasar yang menyeluruh untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan urus tadbir sumber air yang baik dan bersepadu. Sesungguhnya, masa depan dan nasib sumber air negara terletak di tangan kerajaan dan rakyat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Air Semakin Kurang'
oleh Haliza Abdul Rahman,
Dewan Kosmik, Mei 2013

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menimbulkan kesulitan*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan terdapat beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan air bersih.
Apakah langkah-langkah tersebut? [3 markah]
- (iii) Negara kita telah beberapa kali menghadapi krisis bekalan air.
Huraikan pendapat anda tentang cara yang berkesan bagi menangani krisis tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mas, engkau tahu orang kapal itu gagah berani,” kata Kapten Mamat agak bersemangat. “Bila-bila masa saja mereka mandi angin, mandi embun, dan mandi peluh. Laut satu-satunya lapangan hidup yang luas dan memperkaya negeri.”

“Abang Mat lupa. Laut sudah mengambil nyawa suami saya... .”

“Mati pasti ada di mana-mana Mas. Di laut, di darat, di dalam pondok, atau di dalam istana. Kalau sudah sampai waktunya, 1000 orang doktor tidak sanggup menyelamatkan seorang kapten seperti saya.”

“Kalau begitu sampailah hajat suami saya. Dia ingin mati di laut. Tiada kasihnya kepada anak dan isterinya.” Masnah menangis.

“Begini Mas,” dia memandang Masnah mengesat air mata. “Bukankah itu suatu pengorbanan suamimu untuk dirimu? Bukankah itu satu kecintaan suamimu berkhidmat kepada bangsa dan negaranya?”

“Sayang, Abang Mat,” bantah Masnah dengan sedu-sedan. “Perkhidmatannya tidak berpanjangan dan itu sebabnya dia dilupakan. Tetapi, saya berasakan sesuatu yang kejam berlaku terhadap suami saya dan kekejaman itu berlanjutan kepada anaknya.”

Dipetik daripada cerpen ‘Penanggungan’
oleh Wijaya Mala
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan di atas, mengapakah Masnah menangis? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah sumbangan yang dapat anda berikan sebagai bukti pengorbanan dan kecintaan kepada negara? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Megat Iskandar dan Megat Kedah keduanya ialah kakanda kepada Sultan Maliku'1-Nasar di Rimba Jerun. Segala rakyat serta kedua raja itu kasih akan Merah Silu. Megat Iskandar menyuruh segala rakyat membawa beras seorang sekampit. Pada suatu hari, Megat Iskandar bermuafakat dengan orang besar-besar, orang tua-tua dan segala rakyat dalam negeri itu. Kata Megat Iskandar, "Hai segala tuan-tuan, apa fikiran kita akan Merah Silu ini? Pada bicara hamba baiklah kita jadikan dia raja kerana (ia pun sedia raja) lagi (ia hartawan). (Dapat kita menumpang bersuka kepadanya)."

Antara mereka yang hadir itu seorang bernama Tun Aria Benong. Tun Aria Benong tiada mahu Merah Silu dijadikan raja. Ujarnya, "Jikalau ia kita jadikan raja, nescaya anak cucu kita diperintahnya."

Megat Iskandar bermuafakat lagi dengan segala orang dan baginda tetap hendak merajakan Merah Silu, lalu Merah Silu diangkat menjadi raja.

Dipetik daripada 'Merah Silu'
dalam antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *menyuruh segala rakyat*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan alasan-alasan Megat Iskandar mencadangkan Merah Silu sebagai raja. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Tun Aria Benong tidak mahu anak cucunya diperintah oleh Merah Silu? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

HARGA REMAJA

Berapakah sebenarnya harga remaja
yang bersih
dari *gelodak kecewa*
bagai kehijauan daun
bagai kesegaran pohon
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi
piala remajamu
adakah cuka kesangsian
dari cinta murah
atau madu ajaran
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal
sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah
pendirian
keberanian dan ilmu.

Penuhilah remajamu
dengan ketentuan tuju.

RAHMAN SHAARI
Antologi Harga Remaja
Dewan Bahasa dan Pustaka

SULIT

- (i) Nyatakan **dua** sikap positif yang perlu ditunjukkan oleh remaja. [2 *markah*]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah zaman remaja dikatakan sangat berharga? [3 *markah*]
- (iii) Huraikan tema sajak tersebut. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) jasa baik
- (ii) kertas kerja
- (iii) pindah milik
- (iv) reka bentuk
- (v) susun atur
- (vi) temu bual

[6 markah]

(b) **Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) Kuching merupakan ibu negeri Sarawak yang telah diisytiharkan sebagai bandar raya pada 1 Ogos 1988.
- (ii) Seorang guru sekolah kami telah menerima anugerah tokoh guru peringkat daerah kerana berjaya melonjakkan prestasi sekolah.
- (iii) Penduduk taman perumahan itu membersihkan kawasan kediaman mereka untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Makanan ringan disebabkan kanak-kanak kurang berselera terhadap makanan lain yang lebih berkahsiat untuk tumbesaran.
- (ii) Kejayaan tranformasi ke arah pertanian komersial turut bergantung kepada daya pemikiran petani dan infrastruktur yang bersedia.
- (iii) Aktiviti erobik secara beramai-ramai bukan sahaja menyihatkan badan malah dapat eratkan hubungan antara ahli masyarakat.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pembakaran secara terbuka telah mengakibatkan ^{kuantiti} kuantiti udara merosot di berapa kawasan.
- (ii) Pelbagai insentif-insentif yang menarik disediakan oleh kerajaan demi ^{menykat} menguatkan produktiviti industri kecil dan sederhana.
- (iii) Belangkas ialah haiwan prasejarah yang ^{mengalami} ditimpa kepupusan yang serius malahan usaha untuk melindungi haiwan ini kurang dijalankan.

[6 markah]

(e) Berikan satu peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa di bawah.

- (i) Seperti embun di hujung rumput.
- (ii) Bagai pinang dibelah dua.
- (iii) Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
 - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **persoalan kasih sayang** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu pengajaran tentang kerjasama** yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT